

Pusat Sukan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal Melaka

HARI KELUARGA UTeM 2025

PROGRAM HARI KELUARGA UTEM 2025

Anjuran: Pusat Sukan, Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Tarikh: 29 November 2025 (Sabtu)

Bersempena dengan Sambutan Jubli Perak UTeM 2025, Sambutan Hari Keluarga UTeM telah berlangsung dengan penuh meriah di perkarangan Pusat Sukan UTeM. Program anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) melalui Pusat Sukan UTeM ini menghimpunkan warga universiti bersama ahli keluarga dalam pelbagai pengisian menarik.

Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Turut hadir bersama ialah:

Prof. Dr. Mohd Rizal bin Salleh, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Zahriladha bin Zakaria, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Madya Ts. Dr. Musthafah bin Mohd Tahir, Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global), pengurusan tertinggi serta dekan-dekan.

Alhamdulillah, penganjuran ini mendapat sambutan hangat daripada seluruh warga UTeM bersama keluarga tercinta. Kehadiran semua telah menambahkan lagi kemeriahan, sekali gus memupuk semangat kekeluargaan dan kebersamaan dalam komuniti universiti.

Semoga inisiatif seperti ini terus memperkukuhkan hubungan silaturahim serta menguatkan kesatuan warga universiti dalam mendepani masa hadapan.

Kebersamaan UTeM Mendepani Perubahan.

#utem2025 #jubliperakutem
#karnivalharikeluargautem2025 #utem2025 #myutem
#teamutem #utemmelaka #utem #keluargautem
#utemgemilang



FAQ AMALAN HIJAU

1. Apakah definisi amalan hijau?

Definisi amalan hijau ialah mengurangkan atau meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia, pembangunan, aplikasi produk dan peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar (dalam semulajadi).

2. Bagaimana cara mengamalkan 3R (Reduce - Reuse - Recycle) di pejabat?

Berhemat dalam penggunaan alatulis
Cetak atau membuat salinan hanya jika perlu
Cetak atau membuat salinan di kedua-dua belah mukasurat bagi dokumen formal
Guna semula kertas terpakai semasa mencetak dokumen tidak formal (salinan draf)
Guna semula sampul surat dan fail yang telah digunakan
Fikir dahulu sebelum buang
Gunakan tong kitar semula yang betul
Pesanan makanan untuk mesyuarat/majlis dibuat mengikut keperluan

SIDANG EDITORIAL Buletin @ PUSAT SUKAN

Ketua Editor

Pn Siti Sarah binti Bujang

Reka Grafik

En Farid Bin Mohd Khalid

En Faizol Ikmal Bin Shariff

En Ahmad Affenday bin Mohamed Sani

Editor

En Mohd Farid bin Mohd Khalid

En Faizol Ikmal bin Shariff

En Ahmad Rhafae bin Samsudin

Pn Zuraidah binti Abdullah

Pn Norashikin binti Hashim

Pn Norasikin binti Md Isa

En Azrin Sariman

En Razali bin Yaakob

Mohd Hadzren Redza bin Norhidzam Amin Akbar

En Ahmad Affenday bin Mohamed Sani

En Muhammad Ashraff bin Nor Rizan

Jawatankuasa Media
PUSAT SUKAN
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)